

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

**YBA 204 - Komunikasi Untuk Pembangunan Sosial**


Masa: [3 jam]

---

**Jawab Soalan 1 dan tiga soalan lain.** Peserta-peserta RSKM perlu menjawab Soalan 1 dan dua soalan lain.

**Soalan Wajib**

1. Bincangkan Model Progresif (Progressive Model) berikut dengan mengaitkannya kepada keadaan pembangunan desa di Malaysia.



Sumber: Larry Shore di dalam McAnany, 1980:25

(25 markah)

...2/-

Pilih tiga dari soalan-soalan berikut:

2. "Di dalam proses penyelesaian (masalah pembangunan pertanian) ... ahli-ahli Revolusi Hijau telah nyata mewujud dan mempertingkatkan lagi percanggahan-percanggahan yang lain yang bukan sahaja mengancam kestabilan negara tetapi keseimbangan ekologi yang luas." (Cleaver, di dalam C.K. Wilber, 1973: 227).

Nyata dan terangkan keempat-empat percanggahan yang dimaksudkan dan kaitkan jawapan anda kepada rancangan pembangunan pertanian di Malaysia.

(25 markah)

3. Bincangkan hipotesis 'jurang kekesanan komunikasi' dengan mengaitkannya kepada keadaan di Malaysia.

(25 markah)

4. Apakah yang dimaksudkan dengan "struktur sosial?" Bincangkan setakat mana struktur ini menjadi kriteria utama di dalam rangka teoretikal pengajian pembangunan yang terdapat di dalam bacaan-bacaan kursus ini.

(25 markah)

5. "Model penyerapan amalan-amalan baru telah mengaburi 'kepimpinan' dengan 'elit' atau 'oligarki', bahawa 'cosmopolitaness' menyembunyi perhubungan di antara kepentingan pemegang kuasa bandar dan luar bandar, bahawa konsep 'kumpulan rujukan' merupakan penjelmaan dari 'kawalan dalaman' (internal domination) yang menganiayakan kaum tani kecil." (Beltran, di dalam Rogers 1976:21).

Berikan latarbelakang kepada kenyataan di atas dari segi pandangan pada sarjana pembangunan terhadap ciri-ciri kaum tani dan kaitkan pandangan ini kepada penulisan-penulisan lain yang anda telah baca.

(25 markah)

-0000ooo-